

Mangsa banjir terima sumbangan

SRI SERDANG 4 Feb. - Seramai 351 orang penduduk mangsa banjir kawasan Taman Seri Serdang ceria dan terharu bila menerima bantuan berupa wang tunai berjumlah RM500 setiap seorang di Sekolah Kebangsaan Seri Serdang kelmarin.

Majlis penyerahan sumbangan disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Serdang, Datuk Dr. Mohamad Satim Diman dalam majlis anjuran Pejabat DUN Seri Serdang dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKM).

Yang turut hadir wakil MKN, Menteri Harun Radzuan dan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah, Zulkifli Mizan.

Satim berkata, sebanyak RM175,500 telah diluluskan oleh MKM melalui peruntukan bantuan mangsa banjir bagi fasa pertama dan disusuli dengan fasa kedua yang akan diserahkan tidak lama lagi.

Beliau yang juga Pengerusi BN Puchong berkata, bantuan ihsan ini menunjukkan keprihatinan Perda-

na Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang meluluskan peruntukan selepas kejadian banjir besar melanda penduduk kawasan Seri Serdang pada bulan September tahun lepas.

Katanya, sejak menjadi wakil rakyat dari tahun 1995 hingga kini, banjir tidak berlaku seteruk itu, sebaliknya hanya apabila kerajaan negeri Selangor mengambil alih pemerintahan selepas Pilihan Raya Umum Ke-12.

“Kerajaan negeri membangunkan pusat perniagaan dan perdagangan di kawasan pembetungan atau kolam najis tanpa sekatan sekali gus menjadi punca masalah utama banjir yang berlaku di kawasan ini,” katanya semasa berucap dalam majlis penyampaian bantuan itu di sini.

Satim berkata, kerajaan negeri sepatutnya lebih prihatin dengan pembangunan yang hendak dirancang kerana kesannya akan ditanggung rakyat akhirnya.



MOHAMAD Satim Diman (tiga kiri) menyerahkan wang bantuan mangsa banjir di kawasan Taman Seri Serdang dalam majlis yang diadakan di Seri Serdang, Selangor, baru-baru ini.